

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000**

September 1999

**PGT 314 - Trend Dan Isu Dalam Inovasi Pendidikan
Sekolah Rendah**

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **2** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN: Jawab **Empat** soalan sahaja. Jawab dua soalan daripada setiap bahagian.

Bahagian A (Jawab dua soalan sahaja)

1. Berdasarkan trend inovasi yang terdapat dalam KBSR (Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah) pada masa kini, terangkan **lima** dimensi inovasi yang berkaitan dengan proses pengekalan inovasi.
(25 markah)

2. Banyak faktor boleh menjadi daya pendorong menjayakan sesuatu inovasi pendidikan. Bincangkan **lima** faktor utama yang boleh mendorong trend inovasi pendidikan pada masa depan di sekolah rendah.
(25 markah)

3. Isu penerimaan inovasi pendidikan adalah sangat penting. Huraikan berserta dengan contoh-contoh **lima** isu penting yang perlu diberi perhatian menurut perspektif budaya di sekolah rendah.
(25 markah)

Bahagian B (Jawab dua soalan sahaja)

4. Salah satu usaha inovasi pendidikan pada masa kini adalah pengembangan KBKK (Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif) di kalangan pelajar sekolah rendah.
 - (a) Terangkan secara ringkas aktiviti utama untuk pengembangan KBKK.
 - (b) Bincangkan isu-isu inovasi yang terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran KBKK.

(25 markah)

...2/-

5.
 - (a) Terangkan matlamat Pembelajaran Akses Kendiri (PAK).
 - (b) Bincangkan bagaimana PAK dapat menjadi sebahagian daripada inovasi pendidikan dalam budaya belajar di sekolah rendah.

(25 markah)
6. Hala tuju utama pendidikan di Malaysia dalam abad ke-21 adalah mengadakan inovasi kurikulum yang menuju ke arah penubuhan sekolah bestari
 - (a) Huraikan matlamat utama sekolah bestari.
 - (b) Bincangkan perkembangan ikhtisas guru yang penting dalam usaha perlaksanaan sekolah bestari.

(25 markah)

- 0000000 -